



## **Kemandirian wanita dan ekonomi Kelantan: Satu analisis autobiografi terhadap novel *Wajah Seorang Wanita***

Tuan Rusmawati Raja Hassan, Mawar Safei

Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mawar Safei (email: [mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my))

### **Abstrak**

Makalah ini menumpukan kajian terhadap kepengarangan S. Othman Kelantan yang mengangkat bentuk penulisan autobiografi dalam novel *Wajah Seorang Wanita* (1990). Terdapat dua perkara yang diketengahkan iaitu watak wanita yang bersifat autonomi serta ekonomi masyarakat Kelantan dekad 90-an. Pemeragaan kedua-dua isu ini sebagai bahan penceritaan dalam karya, berkait rapat dengan latar peribadi pengarang. Ia dikesani menerusi pemeragaan watak utamanya iaitu Siti Musalmah yang diambil tipa induknya daripada ibu S. Othman Kelantan sendiri iaitu Nik Sharifah, serta pengalaman hidup beliau sebagai penduduk di Wakaf Tuk Kassim, Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan dijadikan sumber inspirasi dan disaring kembali ke dalam novel. Menariknya, novel ini masih mengekalkan unsur imaginasi, kreativiti dan inovasi. Kerangka kajian ini memanfaatkan Gagasan Profetik oleh Kuntowijoyo (2004). Pertimbangan menerusi rumus profetik memperlihatkan kedudukan watak wanita menurut kanta Islam dengan berpandukan terhadap salah satu daripada tiga etika iaitu *nahi mungkar*. Perbahasan menggunakan etika *nahi mungkar* menunjukkan langgam kepengarangan S. Othman Kelantan yang memperlihatkan kemandirian watak wanita dalam mendepani isu ketidakadilan ekonomi dalam negara dan ketidakadilan gender dalam kerjaya. Kajian ini merumuskan bahawa S. Othman Kelantan bukan sahaja mengangkat isu keprofetikan terhadap watak wanita dalam novel, malahan sifat tersebut juga sangat terserlah melalui karya dan aspek latar diri pengarang sehingga merentas kepada akar tradisi Melayu-Islamnya.

**Kata kunci:** etika *nahi mungkar*, ekonomi, Gagasan Profetik Kuntowijoyo, novel *Wajah Seorang Wanita*, S. Othman Kelantan, wanita

## **Women's self-reliance and the economy of Kelantan: An autobiography analysis of *Wajah Seorang Wanita*, a novel**

### **Abstract**

This paper focused on the authorship of S. Othman Kelantan who portrayed the autobiographical form of writing in the novel of *Wajah Seorang Wanita* (1990). There are two

issues being highlighted in the novel which includes the self-reliance of the women and the economy of Kelantan in the 90's. Both issues which have been used as narrative material in the work is closely related to the author's personal background. This can be traced in his main character, Siti Musalmah who was a close reflection of his own mother, Nik Sharifah, as well as his own life experience in Wakaf Tuk Kassim, Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan as inspiration and being incorporated into the novel. Interestingly this novel still retains the element of imagination, creativity and innovation. The framework of this study utilizes Prophetic Ideas by Kuntowijoyo (2004). The prophetic formula shows the position of a female character according to Islamic lenses with regard to one of the three ethics that is *nahi mungkar*. The *nahi mungkar* ethical debate was used by S. Othman Kelantan as a way to showcase the self-reliance of the women's character in addressing the issue of economic injustice in the country and gender inequality in career. This study concludes that S. Othman Kelantan not only emphasized on the prophetic issue in female characters in the novel, but this characteristic was also well-known throughout his work and the author's own background across the roots of his Malay-Islamic tradition.

**Keywords:** *nahi mungkar* the ethic, economy, Prophetic Ideas by Kuntowijoyo, *Wajah Seorang Wanita* the novel, S. Othman Kelantan, women

## Pengenalan

Makalah ini membicarakan tentang etika kedua dalam Gagasan Profetik (2004) iaitu *nahi mungkar*. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan watak wanita dalam novel S. Othman Kelantan iaitu *Wajah Seorang Wanita* (1990). Hal ini kerana, kajian mendapati pemerihal watak wanita lebih dominan dalam novel ini. Wanita serta hal yang berkaitan dengannya sering kali menjadi percaturan apabila membicarakan tentang karya kreatif dan kritikan sastera, sama ada menurut teori Barat mahupun dalam tradisi persuratan Melayu-Islam (Ungku Maimunah, 2013). Perihal kerencaman dalam pemeragaan wajah wanita yang diperagakan oleh sastera termasuklah sastera Melayu yang dihasilkan oleh penulis yang rata-rata beragama Islam, dengan pembacanya yang juga beragama Islam, menjadikan manifestasi wanita dalam karya sastera suatu perkara yang penting, lebih-lebih lagi apabila watak wanita tersebut diinspirasi daripada ibu sendiri. Berpandukan etika *nahi mungkar*, hasil penelitian menemukan latar peribadi S. Othman Kelantan sangat memacu kepada penghasilan watak Siti Musalmah, yang digambarkan bukan sekadar pelengkap dari dominasi lelaki, sebaliknya watak ini digambarkan sangat utuh melalui peranan individu, keluarga dan sosialnya. Selain itu, kajian ini melihat bagaimana watak wanita menerusi perspektif pengarang lelaki tampil dengan pesan kemandirian melalui keupayaannya menentukan pilihan sendiri dalam aspek ekonomi misalnya. Hal ini bagi mengukur sejauh mana novel tersebut memenuhi konsep liberasi yang dianjurkan oleh Kuntowijoyo (2004).

## Kajian literatur

Meninjau kembali kegiatan S. Othman Kelantan dalam arena kesusasteraan, beliau merupakan seorang tokoh ilmunan, cerpenis, novelis dan sarjana kesusasteraan Melayu. Segala sumbangan dan pengiktirafan terhadap bakat kreatifnya sering mengundang minat sarjana lain untuk memberikan apresiasi terhadap kepengarangan beliau. Sejajar dengan kecenderungan ini, pengamatan awal terhadap isu kepengarangan S. Othman Kelantan misalnya yang dilakukan Shanon (1991) menerusi *Ustaz: Novel penghijrahan insan tanpa persinggahan*. Beliau

menyatakan bahawa sepanjang era keterlibatan pengarang ini dalam dunia persuratan, rata-rata beliau dilihat berani mengemukakan idea dan pemikiran baharu serta bersedia melakukan inovasi dalam berkarya misalnya daripada aspek tema, persoalan dan watak. Selain itu, sorotan ini mengetengahkan perbincangan mengenai Gagasan Profetik oleh sarjana lain sama ada di Indonesia, mahupun Malaysia.

Wan Hashim dalam *Pemotret wajah Melayu sepanjang zaman* (2004) pula menghuraikan pemikiran S. Othman Kelantan sebagai novelis yang memotret wajah-wajah Melayu dengan pelbagai bentuk dan paras rupa. Ilham serta kreativitinya ditimba daripada masyarakat Melayu yang amat dekat dengan kehidupannya. Seterusnya, Siti Aisah (2006) menerusi “Watak wanita di tangan penulis lelaki” menyatakan bahawa penulis lelaki cenderung memaparkan citra wanita dalam karya mereka, misalnya S. Othman Kelantan menerusi *Wajah Seorang Wanita*. Berdasarkan teori Feminisme, dapatan kajian Siti Aisah dilihat menyanggah tanggapan umum yang mendakwa pengarang lelaki sendeng memperagakan watak wanita yang negatif.

Siti Ezaleila (2009) pula mengklasifikasikan S. Othman Kelantan sebagai pemotret wajah Melayu. Ia dikatakan menjadi semacam kekuatan kepada S. Othman Kelantan khususnya dalam menghasilkan novel. Beliau dikatakan seorang pengarang yang menjadikan realiti kehidupan, imaginasi, sensitiviti, persepsi dan kreativiti sebagai asas penting dalam proses kepengarangan. Secara tidak langsung, novel yang dihasilkan S. Othman Kelantan menjadi refleksi terhadap kesarjanaan dan ideologi yang diimaninya.

Di sudut lain, terdapat satu makalah yang berjudul *Paradigma profetik: Mungkinkah? Perlukah?* oleh Heddy Shri Ahimsa-Putra (2011) yang memaparkan sebahagian pandangan terhadap ilmu sosial-budaya profetik. Dalamnya terkandung model atau kerangka paradigma dengan unsur-unsur yang menurut Ahimsa-Putra lebih lengkap berbanding versi Kuntowijoyo. Berdasarkan paradigma ini, dijelaskan isi epistemologi profetik yang mencakupi dasar, etos dan model-modelnya. Perbahasan didapati kembali kepada masalah ilmu-ilmu profetik yang pernah dibicarakan oleh Kuntowijoyo dilakukan atas dasar kelemahan yang ditemukan. Oleh yang demikian, kajian ini dikembangkan dengan lebih lanjut untuk membangun sebuah paradigma profetik yang lebih jelas.

Abdul Hadi (2015) dalam *Sastera profetik, nilai-nilai dan relevansinya* menyatakan bahawa peranan sastera tidak semata-mata memperagakan kenyataan sosial yang ada, melainkan untuk menggambarkan cita-cita yang hidup dalam jiwa dan fikiran masyarakatnya. Tidak jarang pula sastera dipandang sebagai hasil renungan pengarang terhadap pengalaman batin menghayati ajaran agama dan merealisasikan pandangan falsafahnya. Perenungan ini dihayati dengan memberi tafsir terhadap ayat-ayat al-Qur'an, yang hasilnya ditransformasikan ke dalam ungkapan puisi sastera misalnya seperti yang ditemukan menerusi puisi-puisi Muhammad Iqbal dan beberapa penyair Parsi lainnya. Antara contoh puisi-puisi beliau adalah *Faqr*, *Manusia merdeka* dan *Hanya Tuhan ku lihat*. Tradisi estetik seperti inilah yang dilihat Abdul Hadi sebagai memungkinkan lahirnya karangan yang disebut sastera transendental, sufistik dan profetik. Hasil penelitian beliau mendapati bahawa penggunaan sastera berbentuk seperti ini sangat relevan dan menambah nilai kepada sesebuah karya.

Seterusnya, Jabrohim (2015) melalui *Nilai-nilai profetik dalam karya sastera Indonesia: Sastera yang memperhalus akhlak, mencerdaskan akal dan menajamkan nurani* menyatakan bahawa, perubahan sosial dan budaya masyarakat sekian zaman telah mengheret kepada ketidakseimbangan susunan peradaban dunia. Hal ini akibat daripada pergeseran budaya yang menyebabkan ilmu pengetahuan terpaksa berkompromi dengan keangkuhan yang dikuasai masyarakat. Sastera seharusnya mampu memperhalus akhlak, mencerdaskan akal dan menajamkan nurani. Ia diperlukan untuk menjawab pertelingkahan (*conflict*) lokal dan global serta membebaskan peranan ilmu pengetahuan. Justeru itu, kesusasteraan profetik dilihat sangat relevan untuk meningkatkan nilai karya supaya sastera Indonesia lebih membijakkan dalam ekspresinya dan mendapat pengakuan yang sejajar dengan ilmu teknologi.

Di Malaysia, Gagasan Profetik dianggap masih baru. Terkini, Norsuhada (2017) menghasilkan sebuah kajian untuk Ijazah Sarjana Sastera yang berjudul “*Remaja Islam dalam novel Zaid Akhtar berdasarkan konsep Kaffah*”. Kajian ini merupakan sebuah kerja-kerja penelitian Gagasan Profetik ke atas novel Zaid Akhtar [1] iaitu *Sesegar Nailofar* (2000), *Rona Bosphorus* (2002), *Impian di jaring* (2007) dan *Salju Sakinah* (2008). Penelitian ini dikerjakan untuk melihat kreativiti Zaid Akhtar menggembeleng watak-watak remaja dalam novelnya agar dapat dijadikan panduan dalam mengajak khalayak melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah, sesuai dengan matlamat Kuntowijoyo. Zaid Akhtar melakukan transformasi yang memperlihatkan kematangannya dalam kepengarangan apabila mengetengahkan isu jihad dalam *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus*, tema aurat lewat *Impian di jaring* dan persoalan islah menerusi *Salju Sakinah*.

Kajian lain yang membicarakan Gagasan Profetik misalnya dilakukan oleh Saifullizan dan Mohd. Faizal. Saifullizan (2013) menerusi tesisnya yang berjudul *Konsep Kaafah dalam kumpulan cerpen pilihan berdasarkan gagasan sastera profetik* cuba untuk memberi penjelasan tentang konsep tersebut dan mengaplikasikannya dalam karya penulis muda. Beliau menganalisis empat buah kumpulan cerpen iaitu *Mencari Gayung* (2009) karya Serunai Faqir, *Di adanya kalam Tuhan* (2009) garapan Ibnu Ahmad al-Kurauwi, *Yang lebih dia cinta* (2009) nukilan Siti Hajar Mohd Zaki dan *Luka Smajo* (2010) oleh Ummu Hani Abu Hassan. Antara hasil penemuan beliau adalah keempat-empat kumpulan cerpen itu tidak sepenuhnya akur akan tuntutan Gagasan Profetik berdasarkan konsep *Kaffah*.

Melalui *Wacana sastera transendental*, Mohd. Faizal (2011) membahaskan konsep awal dalam pembentukan Gagasan Profetik menerusi *Sastera transendental*. Ia secara umum mengajak khalayak ke arah kesedaran spiritual universal menerusi karya sastera. “Keindahan” dalam sastera tercapai apabila manusia dapat didekatkan dengan perihal ketuhanan iaitu penyatuan dengan kebenaran itu sendiri. Berdasarkan pemerhatian Mohd. Faizal, Kuntowijoyo dilihat menolak bentuk khutbah yang berjela dan bergaya langsung. Walau bagaimanapun, penafsiran terhadap makna menjadi amat penting dan ia dipaparkan melalui simbol dalam karya sastera. Gagasan ini turut mempertimbangkan kebebasan imaginasi pengarang. Kuntowijoyo menggalakkan kreativiti karyawan dengan penggembelengan unsur “inklusiisme”. Gagasan ini menolak konsep sastera dijadikan “alat dakwah” semata-mata. Hasil penelitian Mohd. Faizal mengesahkan bahawa tidak terdapat sebarang kekeliruan atau kontradiksi dalam hujah-hujah yang ditampilkan dalam gagasan profetik Kuntowijoyo.

#### *Gagasan Profetik Kuntowijoyo, 2004*

Gagasan Profetik merupakan pendekatan dialektik yang membawa maksud “sastera yang menjalankan kritikan sosial dan penilaian secara beretika” (Norsuhada, 2017). Dalam konteks kajian ini, Gagasan Profetik yang diperkenalkan Kuntowijoyo pada tahun 1988 dipercayai mampu menjadi satu kerangka yang ampuh dalam usaha melihat sejauh mana perletakan nilai karya sastera di Malaysia. Ia bakal dicungkil melalui pemeragaan watak-watak dalam novel yang diwakili oleh S. Othman Kelantan. Adalah diharapkan melalui kajian ini, ia menawarkan satu “wacana baru” bagi menilai perkembangan sastera Malaysia mutakhir dalam usaha penyebaran nilai-nilai Islam. Matlamat penting penelitian karya S. Othman Kelantan menggunakan Gagasan Profetik adalah untuk menjadi panduan kepada penulis lain dalam usaha menghasilkan karya yang memenuhi tuntutan Islam.

Titik tolak gagasan ini menurut kenyataan Kuntowijoyo (2006) adalah berdasarkan surah Ali Imran ayat 110, “Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh yang makruf, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah”. Ayat itu berisi tiga perkara iaitu “*amar ma'ruf*” (menyuruh kebaikan), “*nahi mungkar*” (mencegah kemungkaran) dan “*tu'minuna billah*” (beriman kepada Allah). Berdasarkan tiga perkara tersebut, Kuntowijoyo

membahagikan Gagasan Profetiknya kepada tiga perihal menggunakan istilahnya tersendiri iaitu humanisasi, liberasi dan transendensi. Secara etimologinya, humanisasi daripada bahasa Latin yang bermaksud “makhluk manusia” (Kuntowijoyo, 2004). Dalam Islam, konsep humanisasi terjemah dari “*amar ma'ruf*” yang maknanya menyeru ke arah kebaikan. Dalam konteks profetik pula, humanisasi bererti memanusiaakan manusia, menghilangkan keadaan ketergantungan, kekerasan dan kebencian dalam kalangan manusia (Kuntowijoyo, 2006). Humanisasi diperlukan berikutan tanda-tanda masyarakat kini sedang menuju ke arah dehumanisasi. Dehumanisasi bermaksud penghilangan harkat manusia atau dalam serti kata lain mengikis nilai-nilai kemanusiaan (Saifullizan, 2013).

Secara etimologi, liberasi berasal daripada bahasa Latin *liberate* yang membawa maksud memerdekakan (Kuntowijoyo, 2004). Dalam Islam pula, “*nahi mungkar*” ertinya mencegah daripada segala tindak tanduk kejahatan yang merosakkan, misalnya menghapuskan rasuah, kezaliman pemerintahan atau ketidakadilan ekonomi. Dalam konteks profetik, liberasi bermaksud pembebasan daripada kebodohan, kemiskinan dan penindasan. Tujuan liberasi dalam pandangan Kuntowijoyo adalah pembebasan manusia misalnya daripada kekejaman, kemiskinan struktural dan keangkuhan teknologi. Transendensi dari *transcendre* yang ertinya “naik ke atas” dalam bahasa Latin (Kuntowijoyo, 2004). Sementara dalam bahasa Inggeris pula, *transcend* iaitu menembusi atau melewati. Kuntowijoyo menegaskan bahawa dalam istilah teologi, ia membawa maksud ketuhanan dan makhluk ghaib. Tujuan transendensi adalah untuk menambahkan dimensi transendental dalam kebudayaan, membersihkan diri daripada arus hedonisme dan materialisme. Dimensi transendental adalah sebahagian daripada fitrah manusia sebagai bentuk “persentuhan” dengan kebesaran tuhan. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya mengaplikasikan etika *nahi mungkar* dalam analisis terhadap novel *Wajah Seorang Wanita*.

### *S. Othman Kelantan dan Wajah Seorang Wanita*

Nama sebenar S. Othman Kelantan ialah Syed Othman Syed Omar (A.M Thani dan Sarah Sadon, 2005). Dalam arena penulisan pula beliau lebih dikenali dengan nama pena S. Othman Kelantan. Beliau dilahirkan pada 31 Disember 1938 di Kampung Tebing Tinggi, Kemumin, Kota Bharu Kelantan. S. Othman Kelantan telah meninggal dunia pada 31 Julai 2008. Sewaktu hayatnya, beliau telah menghasilkan sekitar 183 buah cerpen. Cerpen-cerpen perseorangan beliau antaranya terkumpul dalam kumpulan cerpen *13 Cerpen S. Othman Kelantan* (1970), *Surat* (1979), *Ibu* (1980), *Perkahwinan rama-rama* (1984) dan *Beberapa pembetulan* (1990) misalnya. S. Othman Kelantan turut menghasilkan novel-novel seperti *Pelangi* (1962), *Pengertian* (1966), *Pertentangan* (1967), *Angin timur laut* (1969), *Perjudian* (1973), *Juara* (1976), *Perwira* (1980), *Ruang perjalanan* (1989), *Wajah seorang wanita* (1990), *Ustaz* (1991), *Nagogho astana* (1997), dan *Orang Kota Bharu* (2003). Selain menulis cerpen dan novel, S. Othman Kelantan juga menghasilkan esei dan kertas kerja untuk beberapa pertemuan penulis samada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Memandangkan sumbangan dan jasa S. Othman Kelantan dalam bidang penulisan, beliau telah dikurniakan anugerah Pingat Bakti (PB) oleh DYMM Sultan Kelantan pada tahun 1973 dan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh DYMM Yang Dipertuan Agong pada tahun 1974. S. Othman Kelantan juga telah dipilih untuk menerima Anugerah S.E.A Writes Awards di Bangkok pada tahun 1990. Pada tahun 2003 pula, beliau telah menerima Anugerah Sastera Negeri Kelantan dan Anugerah Sastera Negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara.

Novel *Wajah Seorang Wanita* antara lain memartabatkan ketabahan hati dan kegigihan wanita Kelantan yang berasal daripada sebuah keluarga ternama dalam menjalani pancaroba hidup. Ia bermula dengan penghijrahan keluarga dari bandar ke desa, diikuti dengan beberapa rentetan epilog kedukaan yang menyayat hati misalnya kematian ayahanda, kematian anak-

anak dan kematian suami sewaktu pendudukan Jepun di Kelantan. Segala peristiwa getir yang berlaku cukup membuatkan Siti Musalmah matang dan tabah dalam menempuh segala dugaan dalam kehidupannya. Namun begitu, sebagai seorang wanita yang fitrahnya tidak seperkasa dan seteguh semangat lelaki, watak ini digambarkan menerima beban yang seakan tidak tertanggung dek badan. Kerakusan tentera Jepun, cabaran hidup sebagai seorang janda dan desakan untuk menyara keluarga begitu mencabar kemampuannya yang dahulunya banyak bergantung kepada suami. Walau bagaimanapun, Siti Musalmah digambarkan sebagai wanita solehah yang menyerahkan seluruh hidupnya kepada Allah, bertakwa dan mendepani hidup dengan sabar dan ikhlas. Watak Siti Musalmah merupakan suatu potret realiti wanita Kelantan yang diinspirasi oleh ibu S. Othman Kelantan sendiri.

## Metod kajian

Sebanyak tiga kaedah digunakan dalam kajian ini iaitu kepustakaan, kajian teks dan wawancara. Kaedah kepustakaan digunakan bagi memperoleh sumber tentang Gagasan Profetik. Kaedah kajian teks pula dilakukan dengan menggunakan metod penyelidikan kualitatif (Mawar, 2016). Kajian berbentuk deskriptif yang digunakan merujuk kepada beberapa proses iaitu pembacaan secara keseluruhan terhadap 11 buah novel S. Othman Kelantan. Setelah itu, batasan kajian dilakukan dengan mengambil hanya satu buah novel iaitu *Wajah Seorang Wanita* (1990) untuk diteliti. Ia dipilih berdasarkan novel ini memberatkan pemerihal watak wanita yang bersifat mandiri. Pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* terhadap novel ini turut dilakukan secara berperingkat. Terakhir adalah kaedah wawancara bersama anak S. Othman Kelantan yang juga seorang penulis kreatif iaitu S.M. Zakir. Kaedah ini secara relatifnya digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai hal-hal yang tidak direkodkan dan hanya diketahui keluarga terdekat atau kenalan rapat Allahyarham S. Othman Kelantan. Hal ini membantu berikutan pengarang telah kembali ke rahmatullah pada 31 Julai 2008. Bentuk kaedah atau instrumen yang digunakan adalah berstruktur iaitu segala pertanyaan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada susunan soalan yang telah disediakan serta dilakukan secara atas talian.

## Hasil kajian dan perbincangan

*Nahi mungkar* secara umumnya bermaksud mencegah perbuatan yang buruk (Saifullizan, 2013). Ia merupakan suatu perbuatan yang tidak dapat diterima oleh masyarakat umum. Namun demikian, etika *nahi mungkar* dalam Gagasan Profetik diberikan maksud yang lebih universal selari dengan keadaan masyarakat zaman ini. Etika *nahi mungkar* lebih dikenali dengan istilah liberasi menurut Kuntowijoyo, merupakan salah satu daripada tiga aspek dalam Gagasan Profetik. Liberasi bermaksud pembebasan manusia daripada segala bentuk penindasan dan keterbelakangan (Anwar, 2013). Namun demikian, kebebasan atau liberal ini tiada kaitan dengan apa yang dibawa oleh fahaman sekular iaitu aliran pemikiran yang bertujuan untuk meningkatkan kebebasan individu (Sulaiman, 1997). Liberasi merupakan suatu bentuk “keterupayaan” untuk berasa bebas atau merdeka. Menurut konsep falsafah, pembebasan mengandungi dua dimensi iaitu “bebas dari” dan “bebas untuk”.

Dalam konteks profetik, Kuntowijoyo (2006) menyatakan tentang dua bentuk liberasi iaitu liberasi dari kekuatan eksternal (luaran) dan liberasi dari kekuatan internal (dalaman). Dua bentuk liberasi ini merupakan dua tema besar bagi etika nahi mungkar yang diangkat oleh seseorang pengarang dalam karya sastera. Liberasi kekuatan eksternal antara lain adalah pembebasan daripada kolonialisme, pembebasan daripada penguasaan negara kuasa besar ke

atas negara lemah dan pembebasan daripada penguasaan ekonomi oleh golongan kapitalis dunia. Liberasi kekuatan internal pula misalnya pembebasan daripada penindasan politik ke atas seni, pembebasan daripada penindasan negara ke atas rakyatnya, pembebasan daripada ketidakadilan ekonomi dalam negara dan pembebasan daripada ketidakadilan gender. Dikesani bahawa, daripada pembahagian tema-tema ini, etika *nahi mungkar* dalam Gagasan Profetik mengkehendaki penulis tidak hanya memberatkan isu yang berlaku di dalam negara, malahan menjangkau itu. Ia merupakan suatu cara bagi melunaskan peranan pengarang sebagai khalifah Allah. Dalam konteks kajian, didapati bahawa watak wanita dalam *Wajah Seorang Wanita* dapat dikaitkan dengan dua tema dalam liberasi internal sahaja, iaitu pembebasan daripada pembebasan daripada ketidakadilan ekonomi dalam negara dan pembebasan daripada ketidakadilan gender seperti kerjaya. Pemilihan ini adalah didasarkan kepada pembacaan awal teks tersebut yang akhirnya menemukan hanya dua tema sahaja yang dapat dikaitkan dengan kemandirian watak wanita dalam ekonomi.

### *Pembebasan wanita daripada ketidakadilan ekonomi dalam negara*

Umum maklum bahawa tahun 1941 merupakan tarikh bersejarah dengan berlakunya Perang Dunia ke-2 yang bermula apabila berlaku serangan terhadap Pearl Harbour, Hawaii pada 7 Disember 1941 yang melibatkan pertempuran dua kuasa besar dunia iaitu Jepun dan Amerika. Jepun didakwa bercita-cita mahu meluaskan pengaruh dan kuasanya ke atas Asia yang pada ketika itu sedang dijajah oleh Barat. Jepun telah meyakinkan penduduk Asia untuk membebaskan diri daripada penjajahan Barat melalui konsep “Asia untuk orang Asia” dan “Kemakmuran bersama Asia Timur”. Pada 8 Disember 1941, tentera Jepun mara ke Tanah Melayu lewat serangan yang dipanggil “Serangan kilat”.

Serangan pertama di Tanah Melayu bermula pada tengah malam dengan menyaksikan tentera Jepun yang berpangkalan di IndoChina mendarat di Kota Bharu, Kelantan. Serangan kedua pula berlaku apabila tentera Jepun memasuki Perlis dan Grik melalui Singgora dan Pattani yang terletak di Thailand. Tentera Jepun kemudiannya mara daripada utara (Pulau Pinang, Taiping, Kuala Kangsar) menuju ke Kuala Selangor, Port Swettenham, Gemenceh, Negeri Sembilan, Muar, Yong Peng, Segamat, Bukit Pelanduk, Batu Pahat dan Melaka sebelum bernoktah pada titik akhir serangan iaitu di selatan tanah air iaitu Singapura. Justeru dikatakan bermulalah era penjajahan baru bagi penduduk di Tanah Melayu dan Singapura selama 3 tahun 9 bulan. Kemasukan Jepun ke Tanah Melayu meninggalkan banyak kesan buruk terutamanya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Berbicara mengenai kesan buruk terhadap bidang ekonomi, didapati ekonomi Tanah Melayu dieksploitasi oleh Jepun untuk kegiatan perindustriannya dan membiayai peperangan. Ekonomi Tanah Melayu yang dikawal sepenuhnya oleh Jepun hanya menguntungkan pihaknya sahaja. Kegiatan rasuah, menyorok barangan dan pasaran gelap berleluasa. Inflasi turut berlaku disebabkan oleh mata wang yang melebihi barangan. Jepun turut memperkenalkan matawang baru bagi menggantikan matawang British yang digunakan sebelumnya oleh penduduk di Tanah Melayu dan Singapura. Matawang ini diperakui oleh kerajaan Jepun yang memerintah Tanah Melayu dan Singapura pada ketika itu. Matawang ini dikenali sebagai *Japanese invasion money*. Pada awal permulaan penjajahan Jepun, Yokohama Spiece Bank diamanahkan untuk mencetak dan mereka bentuk matawang di Jepun yang kemudiannya dibawa masuk ke Tanah Melayu. Namun begitu, mata wang ini dicetak tanpa kawalan. Sebanyak 65 juta wang diedarkan dalam masa dua bulan dan 285 juta wang kertas diedarkan sehinggalah Februari 1943. S. Othman Kelantan turut melakarkan kesan buruk pendudukan Jepun dalam bidang ekonomi. Lewat *Wajah Seorang Wanita*, pengarang menggambarkan bagaimana seorang wanita zaman perang membebaskan diri daripada keadaan ekonomi yang lumpuh sama sekali, diperihalkan:

“...Nilai wang pokok pisang dipersoalkan dan pekedai menerimanya dengan bayaran dua kali ganda. Kalau biasanya harga seringggit, sekarang telah menjadi dua atau tiga ringgit. Dalam tempoh setahun itu wang pokok pisang telah menjadi sepuluh kali ganda lebih murah daripada wang orang putih. Tetapi dalam senyap-senyap dan rahsia sebilangan orang yang masih mempunyai wang orang putih, masih menggunakan wang itu untuk membeli barangan supaya tidak menjadi terlalu mahal. Sebenarnya dalam tempoh satu tahun itu Siti Musalmah masih menggunakan wang orang putih ketika membeli barang-barang yang diagakkan terlalu mahal kalau menggunakan wang Jepun...”  
(*Wajah Seorang Wanita*: 203).

Watak Siti Musalmah bertindak bijak apabila menggunakan matawang *dollar* Amerika berbanding mata wang pokok pisang atau *Japanese Invasion Money* sewaktu menjalankan urusan jual beli. Matawang Jepun ini dinamakan matawang pokok pisang oleh penduduk di Tanah Melayu kerana ia bersimbolkan tumbuh-tumbuhan yang didapati di Asia iaitu pokok pisang, nenas, buah sukun dan kelapa. Siti Musalmah dilukiskan menggunakan mata wang *dollar* yang lebih tinggi nilainya berbanding mata wang pokok pisang. Ini membolehkan beliau mendapatkan barang keperluan yang lebih banyak di samping menjimatkan. Penggunaan matawang ini tiada lain merupakan kesan buruk daripada penjajahan Jepun ke atas aktiviti pemerdagangan sehingga mengakibatkan hubungan ekonomi antara Tanah Melayu amnya dan Kelantan khususnya, dengan dunia luar terputus. Ekonomi dan taraf kehidupan masyarakat Melayu turut merosot. Bagi mengatasi masalah ini, tentera Jepun menggalakkan orang Melayu bercucuk tanam dan antara aktiviti pertanian yang dijalankan adalah penanaman ubi kayu, keledek dan keladi. Aktiviti ini giat dilakukan sehinggakan zaman pendudukan Jepun digelar “zaman ubi kayu”, dinyatakan:

“Kita mesti tanam ubi dan jagung,” kata Siti Musalmah. “Tanah di belakang rumah itu boleh digunakan untuk ubi dan jagung. Sekarang kita menghadapi musim *ka’at*. Sebab itu semua orang mestilah bekerja” (*Wajah Seorang Wanita*: 203).

Pengarang memperagakan kemandirian watak Siti Musalmah untuk meneruskan kehidupan dengan menanam serta menjual ubi dan jagung kerana ia telah menjadi makanan ruji masyarakat di Tanah Melayu pada zaman penjajahan Jepun. Hal ini kerana, Jepun telah melaksanakan catuan makanan untuk mengatasi masalah kekurangan bahan keperluan makanan. Para penduduk diberikan kad catuan bagi memastikan tiada keluarga yang mendapat bekalan makanan melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh Jepun. Sebagai contoh, satu keluarga hanya dibenarkan membeli dua gantang beras untuk sebulan. Ia sangat membebankan masyarakat lebih-lebih lagi yang memiliki keluarga besar. Walau bagaimanapun, dalam konteks *Wajah Seorang Wanita*, Siti Musalmah dan keluarganya diperlihatkan masih mampu makan nasi berbanding penduduk lain yang hanya makan ubi kayu dan jagung. Ia tiada lain disebabkan oleh kemampuan dan kepandaian Siti Musalmah untuk berniaga pada zaman darurat seperti itu. Selain makanan, kesan buruk pendudukan Jepun juga menebar kepada cara pakaian penduduk Tanah Melayu, misalnya:

“...Keadaan ini ikut sama dirasakan oleh Siti Musalmah. Pakaian yang disembunyikan selama ini sudah dikeluarkan sedikit demi sedikit untuk keperluan dirinya, anak-anaknya, ciknya, adik-adiknya dan anak-anak saudaranya. Kebanyakan orang sudah mulai menukarkan pakaian kain kapas kepada guni jut atau merah kasar untuk pakaian basan seharian, tetapi keluarga



Siti Musalmah belum lagi sampai ke peringkat itu...” (*Wajah Seorang Wanita*: 232).

S. Othman Kelantan memperlihatkan kemandirian watak Siti Musalmah yang bijak mengatur keperluan diri dan keluarganya dari segi berpakaian supaya mereka mampu memakai kain batik dan baju kurung berbanding penduduk kampung yang sudah mulai menukar pakaian mereka kepada guni jut. Ia diserlahkan menerusi bagaimana watak ini bertindak mengeluarkan pakaian yang mereka sudah sediakan selama ini secara berperingkat. Mereka memilih untuk berjimat-cermat dan hanya menggunakan sehelai dua pakaian sahaja dalam tempoh yang panjang.

#### *Pembebasan wanita daripada ketidakadilan gender*

Kedudukan wanita sebelum kedatangan Islam dilihat rendah dan hina martabatnya (Norzila & Mardhiyyah, 2014). Wanita dianggap sebagai malapetaka dan pembawa bencana. Mereka tidak memiliki satu hak pun kecuali sebagai pelepas nafsu lelaki, menjadi hamba kepada keluarga serta diperdagangkan sewenangnyanya. Cahaya Islam hadir melalui Rasulullah SAW. Baginda menerangi kegelapan, menghapuskan amalan-amalan jahiliyyah dan mengangkat martabat wanita selayaknya (Zulkifli, 2007). Oleh yang demikian, Islam dipandang sebagai agen perubahan dalam masyarakat Arab yang cenderung ke arah patriaki (Mai Yamani, 1996). Wanita diberikan hak-hak istimewa dan diberi pengiktirafan sesuai dengan bentuk fizikal dan emosinya. Hal ini kerana manusia, khususnya wanita merupakan makhluk yang diciptakan Allah dengan sebaik-baik kejadian. Dapat dikatakan bahawa, Islam merupakan satu-satunya agama yang tidak mengetepikan wanita dan segala persoalan yang berkaitan dengannya (Ungku Maimunah, 2013). Ia dikuatkan lagi dengan satu surah dalam al-Qur'an yang khusus memperkatakan perihal wanita iaitu *an-Nisa'*. Perlu ditekankan juga bahawa tiada surah yang spesifik diperuntukkan untuk kaum lelaki sepertimana *an-Nisa'*.

Begitu juga dalam al-Qur'an serta hadis, terdapat banyak cerita tentang wanita misalnya kisah Hawa (ibu segala manusia), Siti Hajar (berlari-lari mencari air di gurun yang gersang), Siti Maryam (wanita suci yang melahirkan anak tanpa campurtangan lelaki), Ibu Nabi Musa (menghanyutkan bayi ke sungai demi menyelamatkannya dari kekejaman Firaun), Asiyah (isteri Firaun yang berani menentang suaminya) dan Siti Khadijah (wanita pertama yang memeluk Islam). Deretan kisah ini menggambarkan bahawa wanita tidak dipandang rendah oleh Islam. Sesungguhnya al-Qur'an dan hadis selaku sumber perundangan dan perlembagaan Islam sudah menangani soal wanita sejak awal lagi. Ia dilakukan dari pelbagai sudut misalnya kedudukan, peranan dan martabat mereka dalam masyarakat.

Keadilan dalam tradisi Islam diserlahkan lagi menerusi surah *al-Hujurat*, ayat 49. Ia menegaskan bahawa orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa. Ayat ini secara jelas memaparkan pendirian Islam terhadap soal keadilan untuk semua, yang sekaligus menjamin keadilan kepada kedudukan wanita. Tidak ada diskriminasi berdasarkan jantina, semua insan berhak diterima sebagai makhluk yang mulia selama mana ia bertaqwa dengan sebenar-benar. Isu keadilan ini turut diperlihatkan dengan pengharaman zina, hak wanita dalam pemilikan harta dan hak wanita dalam perkahwinan. Namun begitu, al-Qur'an ada memperakukan perbezaan antara lelaki dan wanita dari sudut kejadian dan fitrahnya.

Di samping keadilan, Islam turut menjamin kesejahteraan dan kemaslahatan bagi manusia seluruhnya. Ia terpahat kukuh pada sistem kemasyarakatan Islam. Ia tidak bersandarkan syariat Islamiah semata-mata, tetapi kepada pelaksanaannya. Kriteria pemilihan pemerintah dan ulama' juga diperketatkan seperti mana yang dilihat pada pemerintahan Khulafa' Ar-Rashidin. Hukum hakam yang diturunkan al-Qur'an diterima sebagai syariat dan peraturan hidup yang menyeluruh. Setelah melalui era moden, syariat Islamiah ini dikanunkan

sesuai dengan sistem kehakiman sivil. Sebagai simbol pembelaan terhadap wanita, golongan ini diberikan hak untuk bersuara dalam mahkamah. Bertolak dari asas yang dinyatakan, didapati Islam berjaya “memanusiakan” wanita, bukan disifatkan sebagai barang atau dikomodikan. Di samping itu, gabungan padu kepada soal pemerihalan wanita dalam sastera ialah terdapatnya asas penceritaan yang menurut akidah, syariat dan akhlak Islamiah seperti kisah-kisah nabi.

Hal ini menunjukkan bahawa, Islam pada hakikatnya memberikan kedudukan yang tinggi kepada wanita. Namun begitu, disebabkan oleh penindasan negara ke atas rakyatnya atas desakan beberapa faktor tertentu, wanita pada zaman dahulu misalnya tidak diberikan peluang malahan disisihkan dalam bidang ekonomi seperti pekerjaan. Namun kini, penglibatan wanita dalam bidang tersebut dikesani bergerak seiring dengan pembangunan negara dan pemesatan industrialisasi. Wanita juga dilihat berada pada kedudukan yang setaraf dengan kaum lelaki. Justeru itu, melalui etika *nahi mungkar* yang diwadahi dalam gagasan profetik, kajian ini meneliti pemeragaan watak wanita yang bertindak sebagai pembawa pesan kemandirian dalam bidang ekonomi (pekerjaan) menerusi novel *Wajah Seorang Wanita*.

Umat Islam di seluruh dunia kini sudah melebihi 1.5 billion orang (Baterah & Nafisah, 2010). Walaupun umat Islam berada di seluruh dunia, tetapi kebanyakan mereka masih keterbelakang dari pelbagai aspek. Hal ini berikutan negara Islam tidak ditadbir dengan baik. Secara keseluruhannya, negara-negara Islam lemah dari segi penguasaan ekonomi dunia. Sebenarnya potensi ekonomi umat Islam adalah besar, namun mereka sama ada tidak tahu atau tidak mahu mengambil peluang sehingga dieksploitasi oleh orang lain. Kebanyakan negara sama ada negara maju, mahupun membangun menghadapi pelbagai masalah ekonomi dan sosial terutamanya negara yang dikategorikan sebagai negara miskin (Mohd Fauzi & Ahmad Fauzee, 2007). Kebanyakan masalah yang sering dihadapi adalah ketidakseimbangan makroekonomi yang menyebabkan wujudnya masalah pengangguran, inflasi, jurang pendapatan dan taraf hidup yang ketara antara golongan kaya dan miskin, defisit imbalan pembayaran serta susut nilai kadar pertukaran yang berterusan.

Dalam konteks *Wajah Seorang Wanita*, pengarang cuba memperlihatkan watak Siti Musalmah, isteri kepada Imam Omar yang dikatakan begitu cekal menjalankan aktiviti perniagaan kayu balak bersama suaminya, malahan ia diteruskan setelah Imam Omar meninggal dunia. Sewaktu hayat Imam Omar, Siti Musalmah telah didedahkan dengan bidang perniagaan kayu balak secara beransur-ansur. Novel ini mengungkapkan kemandirian watak Siti Musalmah yang dikatakan bermula setelah kematian suaminya. Siti Musalmah diperlihatkan sebagai seorang yang berdikari untuk menguruskan perniagaan yang ditinggalkan arwah suaminya serta mampu mendepani alam pekerjaan yang secara umumnya didominasi oleh lelaki. Selain itu, pengarang dikesani mengangkat watak wanita Kelantan ini dalam perniagaan dengan menjadikan bidang tersebut punca utama pendapatan keluarganya.

Watak ini juga diperagakan tidak dikongkong oleh suaminya dan bebas melakukan aktiviti perniagaan menurut caranya yang tersendiri. Imam Omar diperagakan memberikan sepenuh kebebasan dalam membuat keputusan dan membiarkan Siti Musalmah menjalankan perniagaan mereka mengikut caranya yang tersendiri. Malahan, Imam Omar memberikan tanggungjawab menguruskan hal ehwal kewangan syarikat kepada isterinya. Diperihalkan:

“...Siti Musalmah mula berasa seronok dengan perniagaan. Selain daripada menguruskan penjualan kayu apabila suaminya tiada atau suaminya sakit, dia mula mengecerkan barang-barang tembaga dan suasa kepada jiran-jiran terdekat. Barang-barang itu dibelinya dari Pasar Besar Kota Bharu. Dia tidak mengambil untung yang banyak selain daripada untuk latihannya sahaja. Sekadar lepas tambang bas pergi balik, katanya kepada suaminya. Tetapi Siti Musalmah melihat wajah suaminya yang ceria dan gilang gemilang. Dia faham

dengan sikap suaminya. Tentu sahaja suaminya gemar dan sukakan apa yang telah dilakukannya...” (*Wajah Seorang Wanita*: 130).

“... Tetapi sejak akhir-akhir ini Siti Musalmah telah mengambil alih ruangan itu. Dialah yang membeli dan membuat anggaran. Tanggungjawab itu mula dirasanya seronok apabila suaminya sudah tidak mempedulikannya lagi. Segala wang ringgit sudah mula dipegangnya dan ditadbirkannya. Dia pun tidak tahu mengapa dalam saat akhir ini suaminya semacam menyerahkan segala-galanya ke atas pundaknya. Walaupun penyerahan suaminya itu bukan secara rasmi dan dengan kata-kata, tetapi sikap suaminya yang menyerahkan wang dan apa sahaja harta mereka berdua kepadanya, dia merasakan bahawa suaminya sudah meyakini kebolehnya dalam urusan yang lebih penting...” (*Wajah Seorang Wanita*: 134).

Watak Siti Musalmah tidak dikongkong dan diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti perniagaan kayu balak dan menguruskan kewangan syarikat mengikut kaedahnya tersendiri tanpa terikat kepada peraturan tertentu daripada lelaki. Selain mengusahakan kilang balak, Siti Musalmah juga diperagakan sebagai usahawanita yang melakukan aktiviti jual beli barangan tembaga dan kuasa. Perdagangan ini sememangnya salah satu bentuk perniagaan yang menjadi salah satu identiti masyarakat Kelantan pada suatu ketika dahulu. Tidak mustahil, pengarang menggarap fenomena tersebut menerusi watak Siti Musalmah.

Merujuk kepada perspektif agama Islam, memilih pekerjaan merupakan antara hak yang dimiliki oleh kaum wanita (Anwar, 2013). Islam merupakan suatu agama yang membenarkan penglibatan wanita secara aktif dalam pelbagai lapangan pekerjaan sejak zaman berzaman. Dalam konteks perniagaan, Islam membenarkan wanita terlibat dalam bidang ini dan sama-sama menyumbang kepada kesenangan isi rumah serta masyarakat amnya. Islam sangat menghormati golongan pedagang. Malahan Rasulullah saw sendiri merupakan seorang peniaga sebelum diangkat menjadi rasul. Isteri Rasulullah SAW, Sayyidatina Khadijah binti Khuwaylid merupakan antara usahawan yang berjaya di Mekah. Antara peniaga-peniaga wanita lain yang terkenal di zaman Rasulullah adalah Umm al-Mundhir binti Qays dan Asmah binti Makhzumah bin Jalal. Hal ini menjadi dalil bahawa, wanita memiliki hak untuk menyatakan kemandiriannya lewat memilih pekerjaan terutamanya melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Perniagaan merupakan satu bidang terpenting dalam ekonomi. Kegiatan perniagaan dikatakan begitu anjal dari aspek tempat dan suasana. Ia membolehkan masyarakat mendapatkan barang keperluan sama ada menerusi matawang mahupun aktiviti pertukaran dagangan. Barangan yang ditawarkan disandarkan kepada permintaan dan keperluan pengguna. Allah telah berfirman melalui surah al-Baqarah ayat 2, “*Dan (Allah) menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba*”. Dengan kata lain, ia merujuk bahawa Islam sangat menggalakkan aktiviti jual beli atau muamalat. Aktiviti ini melibatkan kemasyarakatan dan ia sudah sedia wujud sejak zaman Nabi Muhammad (Mohd Fadli, 2014). Islam tidak menghalang kaum wanita bermuamalat dengan lelaki, selagi tidak melanggar syariat.

Merujuk kepada penglibatan wanita dalam bidang perniagaan di Malaysia, seandainya diteliti tentang sejarah dan keunikan wanita Kelantan, pasti akan ditemukan catatan penting yang menjadi *historical landmark* kepada perbincangan mengenainya. Walter Armstrong Graham, seorang diplomat British mengupas perkara ini melalui buku beliau, *Kelantan: A State of the Malay Peninsular* (1908). Antara perkara yang disentuh beliau adalah ketabahan, kehebatan, keistimewaan serta keunikan dan kecekalan wanita Kelantan. Sebagai contoh, paparan dan huraian mengenai aktiviti wanita Kelantan yang berjual beli sambil duduk, sebagai satu keadaan yang unik dan berbeza sekali. Paparan ini melambangkan kecekalan mereka dan

kekal sehingga sekarang serta menjadi budaya dalam kalangan wanita Kelantan yang berniaga di pasar-pasar.

Menerusi kajian yang dilakukan Joni Tamkin (2002), beliau mendapati catatan sejarah mengabsahkan keterlibatan wanita Melayu Kelantan dalam sektor perniagaan sejak kurun ke-19 lagi. Beliau juga bersetuju dengan pendapat Graham (1908) bahawa, bentuk perniagaan yang menjadi tumpuan wanita Kelantan adalah perniagaan pasar. Abdullah Munshi dalam *Hikayat pelayaran Abdullah Munshi* sebelumnya ada menyatakan perihal yang sama iaitu, pasar-pasar di Kelantan dimonopoli oleh peniaga wanita.

Terdapat beberapa fakta yang wujud dan menyumbang kepada keunikan, keistimewaan dan kehebatan wanita Kelantan sehingga menyerlahkan atau memberikan kedudukan tertentu kepada mereka. Antaranya ialah faktor persekitaran, sosio politik dan ekonomi serta keseimbangan dan peranan mereka dalam konteks keberadaan kaum lelaki Kelantan. Terdapat juga persepsi yang mengatakan bahawa lelaki Kelantan malas, dan ini memaksa wanita atau isteri mereka untuk menjadi 'ketua' keluarga, bekerja mencari rezeki dan memenuhi keperluan hidup keluarga. Dalam konteks ini, unik, hebat dan gigih, wanita Kelantan adalah relatif kerana kekurangan dan kelemahan lelaki Kelantan dalam memainkan peranan mereka.

Satu hal yang perlu diberikan penegasan, terdapat pelbagai bentuk sumber inspirasi seseorang pengarang dalam proses penghasilan karya. Namun begitu, dalam konteks *Wajah Seorang Wanita*, faktor latar peribadi pengarang sangat berperanan dalam pembentukan watak dan jalinan plot. Faktor asal usul keluarga beliau dari jalur keturunan Syed, ulama serta titisan darah keluarga Raja Jembal di Kelantan tidak boleh dinafikan kepentingannya dalam proses penciptaan watak terutamanya Siti Musalmah. Novel yang memaparkan latar sejarah keluarga ini turut menyerlahkan pemikiran S. Othman Kelantan dalam memaparkan citra ibunya Nik Sharifah sebagai seorang yang tabah, cecal, autonomi dan bijaksana disamping sifat murni seorang wanita iaitu lemah lembut, sopan santun dan meletakkan agama sebagai suatu yang penting dalam hidupnya. Novel ini didedikasikan khas buat ibunya sebagai tanda penghargaan kerana berjaya membesarkan dan mendidik beliau dan adik-beradik lain tanpa suami disisi (S.M. Zakir, 2017).

## Kesimpulan

Secara harafiahnya, dapat dikatakan bahawa watak wanita dalam *Wajah Seorang Wanita* diperkasakan. Hal ini selari dengan kehendak Islam yang mengangkat wanita. Dalam konteks sastera, S. Othman Kelantan dilihat memperagakan watak wanita secara saksama tanpa bersikap *bias*. Watak-watak wanita ini ditampilkan bukan sekadar pelengkap dari dominasi watak lelaki, tetapi hadir secara utuh melalui peranan individu dan sosialnya. Melalui penelitian menggunakan prinsip etika *nahi mungkar* dalam gagasan Sastera Profetik oleh Kuntowijoyo, didapati S. Othman Kelantan membawa pesan kemandirian wanita dalam dua tema iaitu pembebasan daripada ketidakadilan ekonomi dalam negara (zaman pemerintahan Jepun) dan pembebasan daripada ketidakadilan gender (pendidikan, kerjaya, pemilihan jodoh). Dikesani, watak wanita Kelantan dalam *Wajah Seorang Wanita* misalnya digambarkan begitu tekal dalam bersikap dan menentukan pilihan sendiri serta mendepani kehidupan tanpa bergantung sepenuhnya kepada lelaki.

## Rujukan

- A.M. Thani, & Sarah Sadon (Eds.). (2005). *Biografi penulis wajah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2011). *Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim (Rasm Uthmani) dalam bahasa Melayu*. Batu Caves, Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Anwar Efendi. (2013). Prioritas penentuan nilai pendidikan karekter dalam pembelajaran sastra remaja. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 3(3), 331-347.
- Baterah Alias, & Nafisiah Abdul Rahman (pnyt). 2010. *Globalisasi dunia Islam*. Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Graham, W.A. (1908). *Kelantan: A state of Malay Peninsular*. California, Glasgow.
- Joni Tamkin Borhan. (2002). In Siti Saudah Hassan et al. *Ketokohan wanita Islam: Teladan dan cabaran*. Bangi, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam.
- Kuntowijoyo. (2004). *Ilmu Sosial Profetik sebagai Gerakan Intelektual*. Kajang, Akademi Kajian Ketamadunan.
- Kuntowijoyo. (2006). *Islam sebagai ilmu: Epiteologi, metodologi dan etika*. Yogyakarta, TiaraWacana.
- Mai Yamani. (1996). *Feminisme dan Islam: Perspektif hukum dan sastera*. Bandung, Penerbit Nuansa.
- Mawar Safei. (2016). Autobiografi dalam adat perpatih dan undang-undang: Perspektif Rindu Seorang Rafik. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 12(11), 1-15.
- Mohd Fadli Ghani. (2014). *Takutlah kepada Allah, hormatilah wanita*. Sungai Buloh, Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Mohd Fauzi Mohd Harun, & Ahmad Fauzee Abdullah. (2007). *Kemiskinan mengikut Teori Konvensional dan perspektif Islam*. Shah Alam, Pusat Penerbit Universiti (UPENA).
- Norsuhada Mohammed. (2017). *Remaja Islam dalam novel Zaid Akhtar berdasarkan konsep Kaffah*. (Masters dissertation). Retrieved from Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norzila Baharin, & Mardhiyyah Zamani. (2014). *Wanita, muliamu kerana Islam*. Batu Caves, Must Read Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan. (2004). *Wajah seorang wanita*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.M Zakir. (2017, 26 February). Email Interview.
- Saifullizan Yahaya. (2013). *Konsep Kaffah dalam kumpulan cerpen pilihan berdasarkan gagasan sastera profetik*. (Masters dissertation). Retrieved from Universiti Putra Malaysia.
- Shannon Ahmad. (1991). *Ustaz: Novel penghijrahan insan tanpa persinggahan*. *Dewan Sastera* Jun, 88-90.
- Siti Aisah Murad. (2006). Watak wanita di tangan penulis lelaki. *Dewan Sastera*, Feb, 27-31.
- Siti Ezaleila Mustafa. (2009). *20 tokoh sasterawan*. Bangi, Medium Publications.
- Sulaiman Noordin. (1999). *Sejarah pemikiran 2: Akal, wahyu, manhaj ahli sunnah, muktazilah*.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2013). *Islam, feminisme Barat dan sastera Melayu*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (2004). *Pemotret wajah Melayu sepanjang zaman*. *Dewan Sastera*.
- Zulkifli Mohd Yusof. (2007). *Isu-isu gender: Perspektif ulama' al-Azhar*. Petaling Jaya, Intel Multimedia and Publication.